

Usim menang emas, perak

Ketengah penyelidikan ECOVP, E-Jawi dalam pameran reka cipta di London

>>Oleh **Muhd Izawan Baharin**
izawan@hmetro.com.my

PENYELIDIKAN yang berjaya mengharumkan nama negara pada pameran British Invention Show di London baru-baru ini mengambil masa bertahun lamanya untuk dibangunkan.

Pensyarah Fakulti Sains dan Teknologi Universiti Sains Islam Malaysia (Usim), Madihah Mohd Saudi, mengetengahkan penyelidikan perisian Efficient Control of Virus Propagation (ECOVP) dan Jawi Character Recognition Tool (E-Jawi) yang meraih pingat emas manakala penyelidikan Efficient Detection of Worm Attack (EDOWA) dan Efficient Defensive from Virus Infection through Apoptosis (EDVITA) memenangi pingat perak.

"Penyelidikan mengambil masa selama kira-kira dua tahun. Perisian ECOVP adalah sistem yang dibangunkan untuk membantu serta mendidik pengguna mengenai langkah yang perlu dilakukan jika komputer diserang virus serta kawalan penyebarannya.

"E-Jawi pula adalah sistem kepintaran buatan yang menggabungkan pengenalan ciri secara optikal (Optical Characters Recognition atau




FOTO | Dzulkefli Mustapa

OCR) dan 36 huruf jawi yang membantu pengguna terutama murid sekolah dalam pembelajaran jawi," katanya yang ditemui baru-baru ini.

Menurutnya, perisian EDOWA pula seakan sama seperti ECOVP tetapi ia lebih kepada aspek teknikal membabitkan pengguna dalam sektor pentadbiran sistem.

"Penyelidikan EDVITA pula

adalah sistem perlindungan daripada virus komputer menggunakan konsep sistem imun dalam tubuh manusia," katanya.

Madihah berkata, perisian dibangunkan itu berlainan dengan sistem antivirus yang hanya bertindak membuang atau menghapuskan virus atau cecacing.

"Tiga perisian itu lebih me-

numpukan kepada bantuan kepada pengguna sama ada individu atau mereka yang terlibat dalam sektor pentadbiran sistem mengenai langkah yang perlu diambil untuk menghapuskan virus serta kawalan dan perlindungan," katanya.

Pihaknya kini turut menjalankan penyelidikan yang dijangka memakan masa dua

tahun untuk menggabungkan ketiga-tiga ciri perisian itu iaitu ECOVP, EDOWA dan EDVITA sebagai satu sistem bagi memudahkan pengguna.

"Selain itu, kami akan menambah beberapa perincian kepada perisian E-Jawi dengan sasaran untuk kegunaan kelas Jawi, al-Quran dan asas fardu ain

TAHNIH...
Madihah menunjukkan maklumat perisian komputer dimenangi pada pameran British Invention Show pada Oktober lalu.

(J-Qaf)," katanya.

Menurut Madihah, kemenangan pada pameran mulai 15 hingga 18 Oktober lalu itu bukan kejayaan individu semata-mata malah ia kejayaan rakan pensyarah, pelajar dan pihak universiti yang banyak memberi sokongan, bantuan serta bimbingan sehingga ia berjaya di peringkat antarabangsa.